

IKAN PAUS

Pada 2 Februari 2005, seekor bangkai ikan paus telah dijumpai di pantai Kampung Tanjung Aru, Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada penduduk tempatan, bangkai ikan paus jenis Fin Whale atau nama saintifiknya Balaenoptera edeni ini dipercayai mati kira-kira lebih seminggu kerana keadaannya yang berbau serta kulitnya telah pun tertanggal hingga menampakkan tulang. Justeru itu, Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan telah mengambil inisiatif untuk mengambil

tulang-tulang ikan paus berkenaan untuk tujuan pendokumentasian. Tulang rangka atau skeleton ikan paus ini kemudiannya dipindahkan ke Muzium Alam Semulajadi, Putrajaya untuk dipamerkan kepada umum.

Paus Bryde banyak didapati di perairan tropika dan subtropika. Ia mendiami kawasan pesisiran dan jarang ditemui berada di kawasan laut terbuka. Secara relatifnya, ia adalah lebih kecil jika dibandingkan spesies ikan paus lain dengan berat yang tidak melebihi 25 tan.



MEMERANG

Kebanyakan memerang memakan ikan sebagai bahan utama pemakanannya, ditambah dengan katak, udang kara dan ketam. Sesetengahnya amat mahir membuka kerang-kerangan dan yang lain pula akan memakan apa juga mamalia kecil atau burung yang sedia ada. Kehidupan memerang yang bergantung pada mangsa menjadikan memerang amat terancam sekiranya berlaku pengurangan mangsa. Memerang amat aktif, menjejir mangsa di dalam air atau mencarinya di dasar sungai, tasik atau laut.

TAHUKAH ANDA?

- ★ Ikan Paus Biru (Blue whale) merupakan spesies hidupan mamalia terbesar di dunia.
- ★ Ikan Paus Bryde ini dinamakan sempena nama Konsul Norway ke Afrika Selatan yang bernama Johan Bryde pada awal tahun 1990-an.
- ★ Anak Ikan Paus Bryde yang baru dilahirkan adalah sepanjang 4 meter dan seberat 1,000 kilogram.



KUNJUNGLAH MUZIUM
www.jmm.gov.my



Kementerian Penerangan
Komunikasi & Kebudayaan Malaysia



M Pameran Mamalia Malaysia

Mulai : **1 Februari 2010** hingga **31 Julai 2010**

Tempat : **Muzium Alam Semulajadi,**

Jabatan Muzium Malaysia.

Jalan Diplomatik, Presint 15, Putrajaya

Masa Lawatan: **9.00 pagi** hingga **5.00 petang**
(setiap hari)



MUZIUM ALAM SEMULAJADI

Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Diplomatik, Presint 15,
Putrajaya.
Tel : 03-8890 2877
Faks : 03-8890 2879

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara,
50566 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2282 6255
Faks : 03-2287 1271
www.jmm.gov.my